

Lebuh Raya Desaru: Silap kira kos ambil tanah, kerajaan pikul RM375 juta
The Malaysian Insider
24 Oktober , 2011
Oleh G Manimaran

KUALA LUMPUR, 24 Okt — Laporan Ketua Audit Negara 2010 mendedahkan kos pengambilan balik tanah bagi projek Lebuh Raya Senai-Desaru meningkat hampir 103 peratus dengan kerajaan terpaksa menanggung tambahan sebanyak RM375.60 juta.

Ekoran perkembangan itu Ketua Audit Negara mahu kerajaan menentukan pendekatan baru dengan menetapkan 'capping' yang akan diperuntukkan oleh kerajaan.

Pada awalnya syarikat konsesi Senai-Desaru Expressway Bhd (SDEB) menganggarkan kos pengambilan balik tanah hanya berjumlah RM365 juta sedangkan jumlah akhir yang dibayar adalah sebanyak RM740.6 juta iaitu perbezaan sebanyak 102.9 peratus, kata laporan itu.

Lebuh Raya Senai-Desaru merupakan sebahagian daripada pembangunan Iskandar Malaysia. Laluan itu menyambungkan Senai di barat Johor dengan Desaru di timur Johor.

Fasa pertama sepanjang 77 kilometer siap pada Ogos 2009 manakala fasa kedua pula siap pada Jun 2011.

Pembinaan Lebuhraya Senai-Desaru bermula pada Julai 2004.

Dalam laporannya Ketua Audit Negara Tan Sri Ambrin Buang berkata, pada pendapat pihaknya Lembaga Lebuh Raya (LLM) tidak meneliti perancangan pembinaan lebuh raya dan anggaran kos pengambilan balik tanah menyebabkan berlakunya pertambahan kos yang ketara.

"Ini menyebabkan kerajaan terpaksa menanggung kos pengambilan balik tanah yang berjumlah RM740.6 juta iaitu peningkatan sejumlah RM375.6 juta atau 102.9 peratus.

"Sehubungan itu, syarikat konsesi tidak membuat anggaran kos pengambilan balik tanah projek lebuh raya ini dengan tepat dan realistik," katanya.

Kata Amrin, walaupun perancangan awal telah dibuat dengan teliti, namun faktor pertukaran status tanah dan pemberian oleh pihak berkuasa negeri telah menyumbang kepada kenaikan kos pengambilan tanah.

"Ini kerana kerajaann terpaksa membayar pampasan yang tinggi ke atas bangunan yang telah dibina," katanya lagi.

Selain itu, anggaran kos pengambilan balik tanah telah disediakan pada 2002, katanya.

"Mengikut rekod di Bahagian Pengurusan Tanah LLM, Pelan Pengambilan Tanah di bawah Seksyen 8 Akta Pengambilan Tanah 1960 telah diwartakan pada 4 Novemver 2004 bagi Daerah Kota Tinggi dan 18 November 2004 bagi Daerah Johor Baru.

"Penilaian tanah oleh Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta adalah berdasarkan harga

semasa pada November 2004 yang mana lebih tinggi daripada 2002 dan ini menyebabkan pertambahan kos yang ketara," kata Amrin dalam laporannya.

Katanya, bagi mengatasi isu ini berulang, jumlah peruntukan pengambil balik tanah akan ditetapkan bagi projek penswastaan lebuhraya.

"Jika kos pengambilan tanah melebihi 'capping' yang diperuntukkan, maka kos tambahan pengambilan tanah tersebut akan ditanggung oleh syarikat konsesi," katanya.

The Malaysian Insider

Hakcipta © 2011 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/lebuhraya-desaru-silap-kira-kos-ambil-tanah-kerajaan-pikul-rm375-juta/>